

02 JUN 1999

Mahathir-Timur

DASAR PANDANG KE TIMUR MASIH LAGI RELEVAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh Khairdzir Yunus

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak anggapan yang mengatakan bahawa Dasar Pandang Ke Timur Malaysia tidak lagi menepati matlamatnya.

Beliau berkata dasar itu telah disalahertikan oleh banyak pihak yang mengangap dengan memandang ke timur, rakyat Malaysia akan mengetepikan barat.

Ia bukan begitu dan Jepun masih boleh menjadi model contoh untuk Malaysia, katanya kepada sekumpulan pengarang Jepun pada satu pertemuan di sini.

Bagaimanapun, perdana menteri berkata Malaysia akan bersikap memilih sama ada dalam meniru barat atau timur.

"Kita hanya meniru perkara yang baik, benda-benda lain kita tidak tiru," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia juga akan melihat kesilapan yang dilakukan oleh negara-negara di timur untuk memastikan ia tidak mengulanginya.

"Dasar Pandang Ke Timur ialah satu perkara yang berterusan," katanya.

Mengenai sama ada Malaysia akan terus menghantar pelajar ke Jepun, beliau berkata: "Kami ingat kami masih menghantar sedikit pelajar ke Jepun."

Beliau berkata bilangan pelajar Malaysia yang dihantar ke Jepun masih kecil berbanding 12,000 hingga 15,000 pelajar yang dihantar ke Britain dan jumlah pelajar yang serupa ke Amerika Syarikat.

Berikutan peningkatan kos bagi menghantar pelajar ke luar negara, perdana menteri berkata kerajaan boleh mengurangkan kos dengan mengadakan program berkembar dengan institusi-institusi Amerika.

"Bagaimanapun, dengan Jepun, kami masih mahu menghantar para pelajar ke sini untuk mendedahkan mereka kepada budaya dan amalan kerja rakyat Jepun," kata beliau.

Dalam pertemuan selama sejam dengan para pengarang Jepun itu, Dr Mahathir menjawab pelbagai soalan mengenai isu-isu di Asia.

Editor Berita Luar Negeri Nihon Keizai Shimbun (Nikkei), Koike Hirotgusu, bertindak sebagai moderator pada sesi itu.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan tujuh hari ke Jepun, tiba di sini dari Nagoya pagi ini.

Beliau dijadualkan menemui Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi petang esok selepas membuat ucapan pada persidangan antarabangsa "Masa Depan Asia" anjuran Nikkei di sini. -- BERNAMA

KHY RYN NAK